

TEKANAN, MOTIVASI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Mariani Omar

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Sains Kemanusiaan, Universiti Sultan
Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak

Tel: +60173729156 E-mail: mariani@usas.edu.my

Muhammad Zafri Abd Rashid

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Jabatan Sains Kemanusiaan, Universiti Sultan
Azlan Shah, Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak

Tel: +60195826330 E-mail zafirashid99@gmail.com

Abstrak

Tekanan merupakan satu isu dan cabaran yang sering dihadapi oleh pelajar. Antara faktornya yang menyebabkan tekanan berlaku adalah dari segi suasana pembelajaran, keluarga dan persekitaran pelajar itu sendiri. Rentetan itu, pengkaji merasakan ada keperluan untuk mengkaji tekanan, motivasi dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam. Persampelan rawak mudah melibatkan 70 orang pelajar tingkatan enam Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau 2, Sabah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif jenis tinjauan dengan menggunakan soal selidik tekanan iaitu *Student Stress Inventory* (SSI) dan motivasi iaitu *Work Preference Inventory* (WPI). Data kajian dianalisis secara dekriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0. Keputusan menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap tekanan yang sederhana ($M = 2.72$; $SP = 0.486$), tahap motivasi yang sederhana ($M = 2.73$; $SP = 0.422$) dan tahap pencapaian akademik yang sederhana ($M = 3.03$; $SP = 1.129$). Selain itu, terdapat hubungan signifikan di antara tekanan dengan motivasi ($r = 0.229$, $p < .050$), hubungan signifikan di antara tekanan dengan pencapaian akademik ($r = -0.049$, $p < .045$) dan hubungan signifikan di antara motivasi dengan pencapaian akademik ($r = 0.087$, $p < .047$). Seterusnya, terdapat hubungan signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar tingkatan 6 dengan nilainya yang negatif ($r = 0.087$, $p < .047$). Kesimpulan, kajian ini mendapati bahawa pelajar yang mempunyai motivasi dan pencapaian akademik yang tinggi mempunyai tahap tekanan yang sederhana. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang ilmu pengetahuan tentang tekanan, motivasi terhadap pencapaian akademik kepada pelajar sekolah, guru, pihak pengurusan tertinggi sekolah dan pihak berkenaan.

Kata Kunci: Tekanan, motivasi, pencapaian akademik, Tingkatan Enam

Abstract

Stress is an issue and challenge that students often face. Among the factors that cause stress to occur are the learning environment, and family. The researcher saw a need to study stress, motivation and academic achievement among Form Six students. A simple random sampling involved 70 Form Six students of Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau 2, Sabah. This study uses a survey-type quantitative method by using a stress questionnaire that is the *Student Stress Inventory* (SSI) and motivation that is the *Work Preference Inventory* (WPI). The study data were analyzed descriptively and inferentially using the *Statistical Package for Social Science* (SPSS) version 26.0 of the software. The results show that students have a moderate level of stress ($M = 2.72$; $SP = 0.486$), a moderate level of motivation ($M = 2.73$;

SP = 0.422) and a moderate level of academic achievement (M = 3.03; SP = 1.129). In addition, there is a significant relationship between stress and motivation ($r = 0.229$, $p < .050$), a significant relationship between stress and academic achievement ($r = -0.049$, $p < .045$) and a significant relationship between motivation and academic achievement ($r = 0.087$, $p < .047$). Next, there is a significant relationship between motivation and academic achievement among grade 6 students with a negative value ($r = 0.087$, $p < .047$). In conclusion, this study found that students with high motivation and academic achievement have a moderate level of stress. The results of this study are expected to contribute knowledge about stress, motivation towards academic achievement to school students, teachers, it's top management and the concerned parties.

Keywords: Stress, motivation, academic achievement, Form Six

Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, isu tekanan menjadi polemik yang dibincangkan dalam masyarakat konvensional. Kenaikan kos sara hidup dan ketidakpastian ekonomi negara telah menyebabkan isu yang sebelum ini tidak diberi perhatian umum kini menjadi masalah utama dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan pelajar remaja, dan belia. Masalah tekanan berpunca daripada tekanan atau stres yang berpanjangan, keterlaluan dan tiada kemampuan daya tindak seseorang individu terhadap masalah tersebut. Secara umumnya tekanan merupakan tindak balas fizikal, emosi dan juga mental yang dialami oleh seseorang apabila terdapat desakan terhadap sesuatu perkara. Sesiapa sahaja yang mengamalkan berbagai cara gaya hidup sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa serta warga emas boleh mengalami tekanan. Justeru, wajar untuk mengkaji tekanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Tekanan merupakan satu isu yang sering dihadapi oleh kebanyakan masyarakat terutama golongan pelajar. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan tekanan berlaku dalam kalangan pelajar. Antaranya faktornya adalah berpunca dari suasana pembelajaran, keluarga dan persekitaran pelajar itu sendiri. Punca tekanan dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam disebabkan oleh banyak faktor seperti faktor akademik, interpersonal, persekitaran, kewangan, kesihatan dan pengurusan masa. Kesan tekanan yang negatif cenderung untuk pelajar pra-universiti terlibat dengan keganasan dan berisiko untuk mendapat penyakit mental. Thomas (2020) mengatakan tekanan yang dialami boleh menyumbang kepada kurangnya motivasi terhadap pelajaran kerana pelajar perlu berhadapan dengan tekanan pembelajaran secara berlebihan tanpa adanya bimbingan secara langsung di institusi pengajian (Abdul Aziz, Zulkifli, Othman, & Musa, 2021).

Tekanan terbahagi kepada tiga aspek, iaitu berkaitan rangsangan sesuatu peristiwa atau persekitaran yang menyebabkan seseorang itu berasa tertekan. Dalam erti kata lain, tekanan boleh dianggap sebagai faktor luaran. Manakala aspek kedua, tekanan yang berkaitan dengan tindak balas subjektif seseorang itu juga dianggap sebagai faktor dalaman yang datang dari aspek mental. Selain itu, proses tindak balas emosi, pertahanan dan tekanan berlaku dalam diri seseorang individu. Seseorang daripada proses dalaman ini membawa kepada kematangan minda, dan sebahagian daripadanya juga mewujudkan ketegangan mental. Aspek ketiga, ialah tekanan yang berkaitan dengan tindak balas fizikal badan. Fungsi tindak balas ini berkaitan dengan cara tekanan boleh diatasi melalui kaedah tingkah laku dan psikologi (Suriani Abdul Hamid, 2005; Rice 2014; Norhana Ahad, 2020). Di samping itu, tekanan boleh ditimbulkan atas kehilangan orang tersayang, harta benda, kegagalan dalam hidup dan

lain-lain. Tekanan ini berlaku tanpa mengira umur atau status individu. Oleh itu, tekanan boleh memberi kesan yang mendalam kepada kehidupan seseorang. Secara umumnya, kesan tekanan menjejaskan kesihatan psikologi, mental dan sosial manusia. Kesan negatif tekanan ini membawa kepada kehidupan yang tidak teratur dan gangguan fungsi hidup serta turut memberi kesan besar kepada kehidupan individu (Ramli & Sheikh Dawood, 2020).

Selain faktor persekitaran, tekanan juga boleh disebabkan oleh situasi pembelajaran, terutamanya sebelum peperiksaan, apabila keputusan peperiksaan dijangka dan apabila anda bekerja lebih keras dalam kursus yang telah anda ambil (Duwal & Lalita Khonju, 2020). Pihak sekolah ingin mengekalkan prestasi akademik dan persaingan hebat ini memberi tekanan kepada pelajar untuk mencapai matlamat mereka (Buntat, Nasir & Sharliana, 2011). Ini kerana kebanyakan pelajar mempunyai jangkauan yang tinggi terhadap apa yang mereka mahu dan inginkan. Bentuk tekanan lain termasuk kehidupan sebagai pelajar di kampus atau di asrama, kehidupan sebagai individu yang melangkah ke alam dewasa, dunia mencari pekerjaan, konflik dengan pasangan atau rakan, dan tekanan yang berkaitan dengan kehidupan, prestasi akademik, kurangnya motivasi diri, sokongan sosial dan kesejahteraan psikologi pelajar universiti (Zainuddin & Kutty, 2022).

Terdapat banyak cara pengurusan tekanan. Dengan adanya kesedaran masyarakat yang semakin baik terhadap perkara bahaya tekanan, ramai pihak seharusnya menggembleng tenaga bagi memperkenalkan mekanisme kawalan terhadap tekanan yang dihadapi oleh pelajar. Perkara ini boleh ditukarkan menjadi sumber motivasi seseorang untuk mencapai segala bentuk kejayaan dalam perkara yang mereka ceburi. Kita hanya memerlukan kepakaran dan kajian yang telus supaya dapat membantu golongan yang terkesan serta untuk mengetahui kaedah terbaik kerana mencegah lebih baik daripada merawat. Semoga segala inisiatif dalam kajian tekanan yang diatur dapat memangkin sifat mahmudah dalam diri setiap individu seterusnya melahirkan komuniti yang hidup sejahtera, aman dan harmoni terutamanya golongan pelajar yang menjadi legasi pemimpin masa depan negara (Azman, 2013; Ahad, 2020; Rahhim & Saim, 2022).

Sekolah merupakan persekitaran yang unik di mana pelajar sering perlu mengimbangi peranan dan tanggungjawab (Mastura, Fadilah & Nor Akmar, 2007). Sekiranya pelajar tidak melaksanakan tugas dengan sempurna, mereka akan mengalami tekanan. Tekanan yang dikenal pasti dalam diri pelajar termasuklah peralihan daripada suasana ke tahap yang lebih tinggi, daripada alam persekolahan kepada dunia pembelajaran sendiri. Contohnya, sindrom "*homesickness*" atau rindu kampung halaman, terutamanya dalam kalangan pelajar tahun satu (Duwal & Khonju, 2020). Pelajar dicabar untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu dan apabila gagal mereka tertekan.

Seterusnya motivasi ialah rangsangan untuk mengubah tingkah laku individu bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Oleh itu, orang yang bermotivasi lebih bijak dalam membuat keputusan positif berdasarkan matlamat yang diinginkan dan yakin bahawa sebarang tindakan yang diambil adalah bermakna dan dapat memenuhi keperluan. Setiap orang berbeza dari segi fizikal, mental, tingkah laku dan personaliti. Motivasi juga berbeza bagi setiap individu, termasuk motivasi dalaman dan motivasi luaran untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Motivasi merupakan dorongan kepada perubahan tingkah laku individu ke arah mencapai matlamat yang diinginkan. Justeru, individu yang mempunyai motivasi yang tinggi lebih bijak untuk membuat keputusan positif berdasarkan sesuatu matlamat yang diinginkan dan mempunyai keyakinan bahawa setiap tindakan yang dibuat bermakna dan

dapat memuaskan keperluan. Kajian oleh Daud (2010), yang mendapati bahawa pelajar yang mempunyai motivasi diri tinggi dan mempunyai pemikiran yang positif dapat meningkatkan prestasi akademik. Setiap individu adalah berbeza-beza dari aspek fizikal, pemikiran, tingkah laku, dan personaliti. Motivasi juga adalah berbeza-beza bagi setiap individu termasuk motivasi dalaman dan motivasi luaran untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Motivasi yang tinggi dalam diri individu untuk meningkatkan pencapaian akademik (Faizan, Nurul & Azlina, 2016; Abd Shukor & Masroom, 2020; Zainuddin, & Kutty, 2022).

Motivasi ialah dorongan yang timbul dalam diri seseorang untuk mencapai keinginan dan matlamat. Motivasi adalah dorongan untuk bertindak demi memenuhi keperluan dan keinginan. Motivasi tinggi yang menyeluruh dalam proses pembelajaran. Tidak mungkin seseorang yang tidak mempunyai motivasi belajar yang tinggi akan dapat melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Motivasi diperlukan untuk menentukan keupayaan pelajar untuk belajar. Orang yang bermotivasi boleh melihat tindakan yang harus dielakkan. Dalam proses pembelajaran, motivasi adalah enjin yang membantu pelajar belajar bersungguh-sungguh sehingga mencapai matlamat yang diinginkan (Hamdan & Muhamad, 2021). Oleh itu, motivasi boleh mempengaruhi orang ramai untuk berjaya mencapai matlamat yang diinginkan (Salvin, 2006; Asbulah, 2018; Nordin & Mohammad, 2018; Wan Jaafar, & Maat, 2020).

Kecemerlangan akademik pula adalah aktiviti yang dilakukan bagi menentukan kejayaan tercapai pada tahap maksimum. Namun, pencapaian akademik yang tidak memberangsangkan menjadi buah mulut orang ramai dan masyarakat kerana gejala ini menyumbang kepada kadar pengangguran di Malaysia (Halimatus, 2020). Pencapaian akademik pelajar sering dilihat dari sudut kebolehan yang terdapat pada pelajar itu. Namun tidak boleh dinafikan bahawa, terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik pelajar iaitu persekitaran tempat belajar, gaya keibubapaan, gaya pembelajaran dan lain-lain (Muhamad Shafiq & Norani, 2018; Melvin & Surat, 2020). Terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran ialah tekanan dan elemen luar yang mendorong dan membantu pelajar mencapai kejayaan akademik, manakala faktor dalaman pula ialah sikap dan usaha pelajar sendiri untuk mencapai kejayaan akademik. Kecemerlangan pelajar juga bergantung kepada pelbagai faktor. Faktor kejayaan pelajar bukan sahaja bergantung kepada faktor peribadi atau dalaman, tetapi juga faktor luaran (Fatahul Ariffin, Ahmad Kassim & Mazhisham, 2019; Ismail, Ghazali, Latif, Maromar & Man, 2020; Kariya, 2020).

Selepas keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan, antara perkara yang sering menjadi pertanyaan pelajar SPM adalah, apa mereka terus pilih untuk sambung belajar di IPT atau naik Tingkatan 6, kelompok pelajar lepas SPM masing-masing cuba memikirkan strategi dan langkah terbaik bagi menentukan haluan yang lebih menjamin masa depan. Oleh itu, Tingkatan 6 adalah salah satu lagi pilihan yang tidak boleh dipandang ringan oleh mana-mana pihak. Justeru, masyarakat perlu mengenal pasti kelebihan bagi pelajar yang memilih untuk ke Tingkatan Enam. Ada setengah pelajar menganggap, belajar di peringkat diploma adalah membuang masa kerana tempoh yang hampir lebih kurang sama seperti melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah. Maka, laluan Tingkatan 6 adalah sangat sesuai bagi mereka kerana selepas tamat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), dengan keputusan yang baik, maka boleh lah terus masuk ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sama ada awam atau swasta untuk dapatkan segulung ijazah selepas itu.

Peringkat pengajian Tingkatan Enam merupakan salah satu peringkat pengajian yang dianggap sukar oleh kebanyakan pelajar. Walau bagaimanapun, kesukaran ini berbaloi kerana peperiksaan (STPM) yang diduduki oleh pelajar merupakan peperiksaan yang diiktiraf hampir semua universiti di seluruh dunia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat satu transformasi terhadap sistem penilaian STPM secara menyeluruh sejak tahun 2012 (KPM, 2013). Transformasi ini menggariskan perubahan menyeluruh dalam kurikulum pengajian Tingkatan Enam dengan memperkenalkan sistem penggal dan pengenalan kertas kerja kursus (KK). Perubahan ini dibuat selaras dengan keperluan dan cabaran yang dilalui oleh pelajar STPM apabila melanjutkan pelajaran ke universiti. Di samping itu, perubahan sistem ini juga bermatlamat untuk meningkatkan penguasaan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam.

Sistem pendidikan di Tingkatan Enam mengalami perubahan dari tahun 2012. Sistem ini beralih dari sistem STPM terminal kepada sistem STPM baharu iaitu dibahagi kepada tiga penggal. Setiap penggal akan mengambil masa selama Enam bulan dan setiap penggal mempunyai peperiksaan STPM. Sistem ini diperkenalkan secara umum untuk mendedahkan para pelajar Tingkatan Enam tentang kehidupan sebenar semasa melangkah ke universiti nanti. Pendidikan Tingkatan Enam merupakan satu tahap pendidikan selepas pelajar menerima pendidikan selama lima. Pendidikan Tingkatan Enam juga dikenali sebagai pra-universiti yang mana ianya memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar sebagaimana yang dihasratkan dalam KPM iaitu melahirkan pelajar yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh itu guru Tingkatan Enam memainkan peranan penting bagi memastikan melahirkan pelajar sebagaimana hasrat KPM.

Tempoh pengajian Tingkatan Enam yang singkat dan sukatan mata pelajaran yang mempunyai menambahkan menyebabkan pelajar Tingkatan Enam perlu beradaptasi daripada sistem sekolah yang berstruktur sepenuhnya kepada sistem kurang berstruktur. Situasi ini memberi tekanan kepada pelajar untuk memberikan pencapaian terbaik dalam akademik. Faktor emosi juga kurang diambil perhatian yang serius oleh guru disebabkan terlalu mengejar masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran mengikut tempoh yang ditetapkan (Anjilus, Talip, & Singh, 2019).

Pernyataan Masalah

Pelajar lepasan SPM sentiasa menjadikan pelajaran Tingkatan Enam sebagai pilihan terakhir. Persepsi sesetengah masyarakat mengatakan pelajar yang mengambil STPM adalah pelajar rendah taraf. Perkara ini sentiasa meracuni para pelajar yang ingin melanjutkan pembelajaran ke Tingkatan Enam. Pemikiran yang kolot ini terpaksa di hadapi oleh mereka. Pandangan serong ini sentiasa menjadi igauan ngeri kepada sebahagian pelajar dan mereka yang melanjutkan ke Tingkatan Enam seolah-olah mengalami perasaan rendah diri kerana rakan lain layak masuk ke IPT, matrikulasi, politeknik dan sebagainya. Mereka beranggapan pelajar terdiri di kalangan mereka yang tercicir untuk ke IPT. Ini menyebabkan motivasi mereka sentiasa turun dan naik.

Perkara yang menjadi masalah kepada pelajar Tingkatan Enam adalah kemudahan yang disediakan tidak setaraf dengan peringkat pengajian tinggi. Kemudahan seperti komputer, Wi-fi, dan juga infrastruktur pembelajaran menyukarkan para pelajar yang secara tidak langsung mengurangkan rasa minat untuk menyiapkan tugas dan belajar. Selain itu.

pelajar Tingkatan 6 merupakan pelajar yang sering menghadapi tekanan kerana perlu menghadapi peperiksaan STPM sebanyak tiga kali, kerja kursus yang banyak serta sukatan pelajaran yang berat dan padat. Oleh yang demikian, pengkaji berusaha untuk mengkaji tahap tekanan dan motivasi serta pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam di sekolah menengah. Melalui kajian ini, penyelidik ingin mengenal pasti tekanan, motivasi dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang ditimbulkan berkaitan dengan apakah tekanan dan motivasi terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam, di Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau 2, Sabah. Isu tekanan dan motivasi menjadi perkara penting untuk dikaji dalam kajian ini.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ialah untuk mengenal pasti tekanan, motivasi dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam, Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau 2, Sabah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan jenis tinjauan. Reka bentuk kajian ialah kaedah kuantitatif yang melibatkan data yang dikumpul pada suatu masa dan tempat berdasarkan sampel yang dipilih secara rawak yang mewakili populasi. Data kemudiannya dianalisis menggunakan analisis statistik.

Pengkaji telah memilih lokasi kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau 2, Sabah Sekolah ini mula beroperasi pada 6 Januari 1997 serta pengambilan pertama adalah untuk tingkatan satu dan tingkatan empat sahaja dengan bilangan pelajar keseluruhannya seramai 550 orang. Sekolah ini dibina di atas tapak tanah seluas 25 ekar dan terletak berhampiran kampung Luagan di dalam mukim Keningau. Kini sekolah ini mempunyai lebih kurang 2000 orang pelajar tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam. Pengkaji mengambil keputusan bagi melaksanakan kajian di lokasi ini untuk membantu menyumbang dalam ilmu pengetahuan dan maklumat dapatan kajian kepada pihak sekolah, para guru dan pelajar.

Populasi dan subjek kajian adalah dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Keningau 2, Keningau, Sabah Seramai 70 orang responden dipilih oleh pengkaji secara rawak mudah. Responden melibatkan 23 orang lelaki (32.9%) dan 47 orang perempuan (67.1%). Responden berbangsa Melayu 13 orang (18.6%), cina 8 orang (11.4%) bumiputera Sabah ialah 46 orang (65.7%) dan bumiputera Sarawak 3 orang (4.3%). Responden yang beragama Islam 42 orang (60.0%), Buddha 7 orang (10.0%), beragama Kristian 21 orang (30.0%). Responden yang tinggal bersama ibu bapa 43 orang (61.4%), tinggal bersama penjaga 4 orang (5.7%), tinggal di asrama, 23 orang (32.9%).

Instrumen Kajian

Instrumen yang sering digunakan untuk mencapai objektif dalam sesuatu pengkajian serta merupakan alat ujian untuk mengumpul maklumat daripada responden. Penggunaan soal selidik yang berkesan dapat maklum balas dan proses pengumpulan data dengan cepat kerana maklum balas dari responden akan terjamin kerahsiaan dan lebih jujur. Soal selidik kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bagi

menyempurnakan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah soal selidik yang dibina menggunakan *Google Forms*. Bahagian A mengandungi maklumat diri responden dan latar belakang sampel. Bahagian B menggunakan *Students Stress Inventory (SSI)* yang dibangunkan oleh Arip, Kamaruzaman, Roslan, Ahmad dan Rahman (2015), untuk mengenal pasti empat domain dalam konstruk yang dilabelkan sebagai tekanan pelajar.

Bahagian C pula menggunakan *Work Preference Inventory (WPI)* yang dibina oleh Amabile (1987) untuk mengukur motivasi pelajar. Bahagian ini mengandungi 30 item. Pengukuran soal selidik ini berbentuk skala Likert empat mata iaitu 1 = "Tidak Pernah", 2 = "Kadang-Kadang", 3 = "Selalu" dan 4 = "Sangat Selalu". *Work Preference Inventory (WPI)* mengandungi dua jenis motivasi yang mempengaruhi motivasi pelajar iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Komponen yang diukur dalam motivasi ekstrinsik melibatkan komponen luaran dan ganjaran. 1, 2, 6, 12, 15, 18, 21, 24, 25 dan 29 bagi komponen luaran. Item 4, 10, 16, 19 dan 22 bagi komponen ganjaran. Komponen dalam motivasi intrinsik melibatkan cabaran dan keseronokan. Item 3, 5, 9, 11, 13, 14 dan 26 untuk komponen cabaran dan item 7, 8, 17, 20, 23, 27, 28 dan 30 untuk komponen keseronokan.

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang tinggi mempunyai nilai *Alpha Cronbach* melebihi 0.80. Kebolehpercayaan memberi darjah ketekalan kepada instrumen pengukuran dimana instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dapat memberikan keputusan yang tepat dan baik.

Dapatan Kajian

Jadual 1: Tahap Tekanan, Motivasi dan Pencapaian Akademik

| Pemboleh ubah | Min | Sisihan Piawai |
|---------------------|------|----------------|
| Tekanan | 2.72 | 0.486 |
| Motivasi | 2.73 | 0.422 |
| Pencapaian Akademik | 3.03 | 1.129 |

Berdasarkan Jadual 1 tahap tekanan, nilai min adalah 2.72 (SP=0.486) yang menunjukkan responden kajian mempunyai tahap tekanan yang sederhana. Skor minimum yang diperolehi adalah 1.48, manakala skor tertinggi yang dicatatkan adalah sebanyak 3.95. Berdasarkan tahap motivasi nilai min yang dicatatkan adalah 2.73 (SP=0.422) yang menunjukkan responden kajian mempunyai tahap motivasi yang sederhana. Skor minimum yang diperolehi adalah 1.87, manakala skor tertinggi yang dicatatkan adalah 3.70.

Berdasarkan tahap pencapaian akademik pula, nilai min yang dicatatkan adalah 3.03 (SP=1.129) yang menunjukkan responden kajian mempunyai tahap pencapaian akademik yang sederhana. Untuk pencapaian pelajar diambil kira purata nilai gred kumulatif (PNGK) 2.00 dan ke bawah adalah seramai 8 orang (11.4%) dan PNGK 2.00 – 2.50 adalah seramai 13 orang (18.6%), 2.50 – 3.00, 24 orang (34.3%) dan 3.00 – 3.50, 19 orang (27.1%), PNGK 3.50 – 4.00 ialah 6 orang (8.6%). Jelaslah bahawa kekerapan dan peratusan PNGK yang paling

tinggi adalah PNGK 2.50 – 3.00 berbanding PNGK 3.00 – 3.50, 2.00 – 2.50, 2.00 dan ke bawah dan 3.50 – 4.00.

Dapatan untuk tekanan fizikal dengan jantung. Min tekanan fizikal pelajar lelaki adalah 2.08 dan min tekanan fizikal perempuan adalah 2.33. Keputusan ujian-t menunjukkan nilai signifikan p adalah .055 dan nilai aras signifikan alpha (α) iaitu, .05, oleh itu nilai signifikan P didapati lebih besar daripada nilai signifikan alpha (α) iaitu $0.055 < 0.05$. Oleh itu, keputusan kajian mendapati tidak terdapat perbezaan signifikan min tekanan fizikal lelaki dan perempuan pada nilai-t $-1.953 = .055$ p $<.05$. Keputusan Ujian-t ujian menunjukkan nilai signifikan p adalah .127 dan nilai aras signifikan alpha (α) iaitu, .05, oleh itu nilai signifikan p didapati lebih besar daripada nilai signifikan alpha (α) iaitu $0.127 < 0.05$. Oleh itu, keputusan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan min tekanan fizikal lelaki dan perempuan pada nilai-t $-1.546 = .127$ p $<.05$.

Jadual 2: Hubungan di Antara Fizikal dengan Interpersonal, Akademik dan Persekitaran

| Hubungan | Korelasi Pearson (R) | Signifikan (P) |
|------------------------------|----------------------|----------------|
| Fizikal dengan Interpersonal | 0.608 | .000 |
| Fizikal dengan Akademik | 0.604 | .000 |
| Fizikal dengan Persekitaran | 0.549 | .000 |

Hasil untuk ujian korelasi yang diperolehi menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan di antara fizikal dengan interpersonal dengan nilainya berada di tahap yang positif sederhana ($r = 0.637$, $p = .000$). Hasil untuk ujian korelasi yang diperolehi menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan di antara fizikal dengan akademik dengan nilainya berada di tahap yang positif sederhana ($r = 0.604$, $p = .000$).

Jadual 3: Hubungan di antara Motivasi Instrinsik dengan Motivasi Ekstrinsik

| Hubungan | Korelasi Pearson (R) | Signifikan (P) |
|--|----------------------|----------------|
| Motivasi Instrinsik dengan Motivasi Ekstrinsik | 0.747** | .000 |

Berdasarkan jadual di atas, hasil keputusan untuk ujian korelasi yang diperolehi menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan di antara motivasi instrinsik dengan motivasi ekstrinsik dengan nilainya berada di tahap yang positif kuat ($r = 0.747$, $p = .000$).

Jadual 4: Perbezaan Pencapaian Akademik Berdasarkan Jantina

| Pembolehubah | Jantina | N | Min | Sisihan Piawai | Nilai-t | Tahap signifikan(P) |
|---------------------|-----------|----|------|----------------|---------|---------------------|
| Pencapaian Akademik | Lelaki | 23 | 3.00 | 1.24 | 0.147 | 0.884 |
| | Perempuan | 47 | 3.04 | 1.08 | | |

Jadual 5: Hubungan di antara Tekanan Dengan Motivasi Dan Pencapaian Akademik

| Pembolehubah | Korelasi Pearson (R) | Signifikan (P) |
|------------------------------------|----------------------|----------------|
| Tekanan dengan motivasi | 0.229 | 0.050 |
| Tekanan dengan pencapaian akademik | -0.049 | 0.045 |

Berdasarkan Jadual 4, keputusan untuk ujian korelasi menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan di antara tekanan dengan motivasi dengan nilainya berada di tahap yang positif sangat lemah ($r = 0.229$, $p = 0.050$).

Perbincangan

Keputusan kajian mendapati tahap tekanan dalam kalangan pelajar tingkatan 6 berada dalam tahap yang sederhana. Dari segi tekanan akademik pula, pelajar mengalami sedikit masalah kerana STPM merupakan antara tingkat pembelajaran yang mencabar di Malaysia dan telah diiktiraf sebagai setaraf diploma (A-level). Malah, terdapat juga kajian yang menunjukkan bahawa peperiksaan Tingkatan Enam di Malaysia merupakan peperiksaan yang paling susah di Asia Tenggara. Seterusnya, dapatan bagi motivasi pelajar juga di tahap yang sederhana. Ini menunjukkan bahawa pelajar Tingkatan Enam mempunyai hubungan yang signifikan dalam motivasi intrinsik dengan motivasi ekstrinsik. Oleh itu, persediaan dari segi mental, fizikal dan rohani perlu diutamakan bagi memastikan mereka semua dapat membezakan masalah pelajar dan juga pelajaran. Perkara ini akan membuatkan mereka lebih matang daripada pelajar-pelajar arus perdana. Ini jelas bahawa kedua-dua jenis motivasi saling berkait dalam kalangan pelajar tingkatan enam di SMK Keningau 2. Tahap motivasi intrinsik yang tinggi bagi pelajar yang tidak mengharapkan sesuatu insentif atau ganjaran atas setiap usaha yang dilakukan. Motivasi dalaman yang ada dalam diri sendiri pelajar boleh membentuk kepuasan dan jati diri mereka. Akhir sekali tahap pencapaian akademik berada di tahap sederhana. Dapatan menunjukkan hanya sebanyak 8.6 peratus pelajar mendapat PNGK 3.50 hingga 4.0. Ini boleh dilihat bahawa pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam bagi mendapatkan keputusan yang cemerlang tidak ramai. Manakala 34.3 peratus pelajar yang mendapat PNGK 2.50 hingga 3.00 iaitu pencapaian akademik yang sederhana. Pelajar perlu belajar dengan bersungguh-sungguh dan mengurangkan aktiviti yang tidak sihat yang boleh memudaratkan diri. Ini kerana peperiksaan yang akan dihadapi agak sukar. Oleh itu, pelajar perlu berusaha bersungguh-sungguh dan berkat doa, usaha dan tawakal pada Allah S.W.T agar hati tenang dan urusan dipermudahkan dalam membuat persediaan peperiksaan yang dihadapi bagi mencapai kejayaan ke peringkat pengajian tinggi kelak.

Seterusnya, limitasi kajian ini lebih menfokuskan kepada jenis tekanan yang dihadapi oleh pelajar serta motivasi terhadap pencapaian akademik. Pengkaji tidak mengambil kira elemen lain yang berkemungkinan menjadi sebab mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar Tingkatan Enam seperti aspek demografi iaitu taraf sosioekonomi, etnik, serta kewangan membantu masyarakat dalam menangani isu-isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar Tingkatan Enam. Pembelajaran yang seimbang mampu melahirkan masyarakat yang berkualiti dan menyumbang ke arah pertumbuhan negara. Seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) berteraskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan, bersatu padu, bertanggungjawab, beramanah, bermotivasi dan keazaman untuk mencapai kesejahteraan diri serta bercita-cita ke arah kemakmuran

masyarakat dan negara. Pelbagai usaha dan langkah penambahbaikan pengajian Tingkatan Enam yang berlaku dari segi pengurusan dan fungsi guru Tingkatan Enam bermula sejak tahun 2008 membawa kepada banyak pembaharuan.

Rujukan

- Abd Shukor, N. S., & Masroom, M. N. (2020). Gaya Pembelajaran dan Motivasi Dalam Kalangan Calon SPM di Sebuah Sekolah Menengah Agama di Negeri Johor. *Jurnal Kemanusiaan*, 18(2).
- Abdul Aziz, A. R., Zulkifli, N. A., Othman, M. Z., & Musa, N. N. (2021). Tinjauan Terhadap Tahap Tekanan Pelajar Universiti Semasa Pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 15 – 24.
- Abdul Rahhim, N., & Saim, N. J. (2022). Kajian Terhadap Mahasiswa B40 di Universiti Kebangsaan Malaysia: Tahap Tekanan dan Pengaruhnya Terhadap Prestasi Akademik. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1-16.
- Ahmad, M. Z., & Manaf, M. F. A. (2017). Penggunaan Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik Untuk Belajar Bahasa Arab.
- Anjilus, W., Talip, R., & Singh, S. S. B. (2019). Hubungan Gaya Kepemimpinan Transformasi Dengan Kepuasan Kerja Guru Akademik Tingkatan Enam. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, (1), 1-16.
- Atchia, S. M. C., & Chinapah, V. (2019). Factors affecting academic achievement of secondary school students in Mauritius. *Journal of Education and Research*, 9(1), 70–90.
- Azman, N. (2013). Perkaitan antara Pengurusan Masa dan Stress dalam Kalangan Pelajar Siswazah Di IPTA. Vol. 5, No.1, 34-49.
- Azza Salsabila & Puspitasari. (2020). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Belajar Siswa Sekolah Dasar. *Jurnal Pendidikan dan Dakwah* 2(2), 278-288.
- Balaram Duwal & Lalita Khonju. (2020). *Factors Affecting Students' Academic Performance: The Case of Students at Community Colleges in Bhaktapur District*. *International Research Journal of Management Science*, 5(1): 23-38.
- Buntat, Y., Nasir, N. S. M., & Sharliana, N. (2011). Faktor-faktor yang mendorong kreativiti di kalangan pelajar, Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2(1), 175-208.
- Daud, K. A. M. (2010). Kesan Penggunaan Sistem Pembelajaran Terarah Kendiri Secara Atas Talian (E-Solms) Terhadap Kesiediaan Pembelajaran Terarah Kendiri dan Motivasi Pembelajaran Pelajar. *Disertasi kedoktoran*. *Diperoleh daripada* http://eprints.usm.my/41887/1/khairul_azhar_mat_daud.pdf.

- Faizan, M. A. B., Nurul, A. C. D., & Azlina. A. (2016). Hubungan antara Konsep Kendiri dan Motivasi dengan Pencapaian Pelajar Bagi Kursus Makroekonomi. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1).
- Fatahul Ariffin, H. D., Ahmad Kassim, M. A., & Mazhisham, P. H. (2019). Hubungan antara Gaya Hidup dengan Prestasi Akademik dalam Kalangan Mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: The Relationship between Lifestyle and Academic Achievement among Students in Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Journal of Management and Muamalah*, 9(2), 17 - 26.
- Hafizah Abdul Razak (2015). Hubungan antara Big Five Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Halimatus Saadiah Kariya. (2020). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 9-18.
- Hamdan, N. S., & Muhamad, T. A. (2021, February). Motivasi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Kuala Lumpur dan keterlibatan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian sepanjang tempoh pandemik Covid-19. In *Conference Proceeding* (p. 355).
- Hanifah Mahat et. al. (2017). Pencapaian Pelajar dalam Mata Pelajaran Geografi Sekolah Menengah di Sabah. *Jurnal Sains Humanika*, 9(2), 1-7.
- Hee Jee Mei & Siti Liyana Mohamad Yusuff. (2011). Hubungan antara tahap motivasi dengan pencapaian akademik pelajar pendidikan jarak jauh Universiti Sains Malaysia. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-1.
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. (2020). Sikap Dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – Jpbm*. 11(1), 16-28.
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Latif, K. A. A., Maromar, F., & Man, S. (2020). Hubungan Antara Faktor Dalaman dan Faktor Luaran Dalam Mempengaruhi Kemahiran Menulis Bahasa Arab Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: The Relationship between Internal and External Factors Influencing Student Skills of Arabic Writing in Higher Learning Institutions of Malaysia. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 2(1), 1-12.
- Kariya, H. (2020). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Politeknik Metro Betong Sarawak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 9-18.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Laporan Tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Lily Hanefarezan Asbulah, et al. (2018). Tahap Motivasi Holistik, Intrinsik dan Ekstrinsik terhadap Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab dalam kalangan graduan universiti awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 33, 75–93.

- Mahamod, Z. (2016). Sikap dan motivasi murid Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 13-25.
- Melvin & Shahlan Surat. (2020). Pengaruh Latar Belakang Keluarga dan Pencapaian Akademik Pelajar Di SMK Bau. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 227-233.
- Muhamad Shafiq & Noraini. (2018). Mengenalpasti Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial*, 7, 77-87.
- Nordin, M. A., & Mohammad, S. H. (2018). Hubungan Antara Motivasi Kendiri dengan Pencapaian Matematik Pelajar Tingkatan 5 di Daerah Rompin. In *iCompEx18 Pembentangan Kertas Penyelidikan Akademik*.
- Norhana Ahad, M. F. (2020). Analisis Faktor Tekanan yang Mempengaruhi Pelajar Kolej Komuniti Negeri Johor Ketika Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 150-172.
- Norlizawati binti Ya'akob. (2006). Hubungan antara Tekanan dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman, M. H., Harun, Z., & Othman, N. (2020). Hubungan tahap pengurusan masa dengan pencapaian akademik pelajar On-The Job Training Kolej Vokasional. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1 (SI)), 1-8.
- Ramli M. W. & Sheikh Dawood S. R. (2020). Faktor Tekanan Dalam Kalangan Pelajar Universiti Sains Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(7) (2020), 66-76.
- Ridzuan Ismail. (2002). Faktor-faktor yang mendorong pencapaian pelajar sekolah menengah agama bagi mata pelajaran KHB dalam peperiksaan PMR daerah Rendang. Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Suriani Abdul Hamid, S.M. R. (2005). Punca tekanan pelajar di universiti: Satu Perbandingan antara Gender. *Prasidang Persidangan Psikologi Malaysia 2005*, 30 Julai – 2 Ogos 2005, (Towbes) Hotel Promenade, Kota Kinabalu.
- Uk Raai a/p Chen. (2014). Kajian Gaya Pembelajaran dan Motivasi Terhadap Pencapaian Pelajar Diploma Kejuruteraan di Politeknik. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Wan Jaafar, W. N., & Maat, S. M. (2020). Hubungan antara Motivasi dengan Pencapaian Matematik dalam kalangan murid sekolah luar bandar: The Relationship between Motivaion and Mathematics Achievement among Rural School Students. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 10(1), 39-48.
- Wong, M. S. M. A., Hamid, M. F. A., & Meerangani, K. A. (2022). Tahap Pencapaian Pelajar dalam Program Plus Tahfiz UiTM. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 224-236.

Yahaya, A. (2005). Hubungan Antara Konsep Kendiri, Motivasi Dan Gaya Keibubapaan Dengan Pencapaian Pelajar (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Zainuddin, N. F., & Mydin Kutty, F. (2022). Hubungan Motivasi Diri dan Sokongan Sosial Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), 001308.